

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 JULAI 2022

AKHBAR : BERNAMA

MUKA SURAT : <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2098734>

14 bandar lagi laksana inisiatif GCAP – Mustapa

LANGKAWI - Empat belas bandar di negara ini akan melaksanakan inisiatif Pelan Tindakan Bandar Hijau (GCAP) bagi tempoh antara tahun ini hingga 2025.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, tiga bandar dipilih untuk pelaksanaan inisiatif itu pada tahun ini iaitu Langkawi, Kota Bharu dan Kuching.

Bandar-bandar lain yang dipilih untuk melaksanakan GCAP secara berperingkat termasuk Kangar, Kulim, Taiping, Kuala Kangsar, Ipoh, Manjung, Teluk Intan, Seremban, Labuan, Pulau Pinang dan Seberang Perai.

"Sebelum ini kami ada dua bandar yang sudah melaksanakan GCAP iaitu Melaka pada 2014 dan Kota Kinabalu pada 2019. Jadi dua sudah ada dan tambah 14 menjadikan 16 bandar. 14 bandar ini dalam tempoh 2021 hingga 2025.

"Jadi hari ini kami ada satu acara untuk memulakan rancangan kami. Kita perlu memastikan bahawa bandar-bandar kita ini adalah lestari, sesuai didiami, berdaya saing dan juga berdaya tahan, itu antara objektifnya," katanya kepada pemberita di sini pada Jumaat.

Terdahulu beliau melancarkan Indonesia Malaysia Thailand Growth Triangle (IMT GT) & Brunei Darussalam Indonesia Malaysia Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) Green City Action Plan di sini pada Jumaat.

Menurut Mustapa, Malaysia akan bekerjasama dan mendapatkan kepakaran badan antarabangsa untuk menjayakan GCAP di bandar-bandar di negara ini iaitu Asian Development Bank (ADB), Local Governments for Sustainability (ICLEI).

Mengulas mengenai pemilihan Langkawi untuk pelaksanaan GCAP, beliau berkata, ia bertepatan dengan statusnya sebagai pulau pelancongan selain kaya dengan khazanah alam yang perlu dilindungi.

"Untuk memastikan Langkawi terus berjaya adalah penting untuk dilindungi alam sekitarnya, dipertahankan apa yang ada di sini dan masyarakat juga perlu dididik dan kami berbanggalah dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Lembaga Pembangunan Langkawi," katanya.

GCAP adalah satu siri cadangan mengenai perancangan bandar yang mampan untuk diterima pakai oleh kerajaan tempatan dalam menangani akibat pemandaran yang mendesak.

Unit Perancang Ekonomi, ADB, ICLEI, Majlis Perniagaan Bersama (JBC) Malaysia melalui pelancaran rasmi IMT-GT dan BIMP-EAGA, Pelan Tindakan Bandar Hijau dengan tema 'Membina Kembali Lebih Baik' mengumpulkan 200 perwakilan tempatan dan antarabangsa pihak berkuasa dan agensi bertukar-tukar idea dan pengalaman ke arah Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan. - Bernama